

UMS Terima Kemasukan 4,720 Pelajar Baharu

Terakhir dikemaskini: Selasa, 05 September 2017 17:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1820

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 5 SEPTEMBER -
Seramai 4,720 pelajar melanjutkan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kemasukan Pelajar Baharu Sesi 2017/2018.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali, jumlah

tersebut merangkumi 2,121 (45%) pelajar dari Sabah, 2,293 (49%) pelajar Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Labuan serta 306 (6%) pelajar antarabangsa.

“306 pelajar antarabangsa itu merangkumi 17 negara, antaranya China (225 orang), Brunei (33 orang), Fiji (1 orang), Jerman (1 orang), Yemen (1 orang), Pakistan (2 orang), Myanmar (10 orang), Afghanistan (1 orang), Bangladesh (9 orang), Indonesia (7 orang), Laos (3 orang), Arab Saudi (3 orang), Thailand (3 orang), Turki (1 orang), Vietnam (2 orang) dan lain-lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pendaftaran pelajar baru UMS di Kolej Kediaman Tun Fuad pada Ahad.

Prof. Dr. Ismail berkata, pecahan mengikut jantina pula ialah lelaki seramai 1,436 (30%), sementara perempuan 3,284 (70%).

“UMS turut menawarkan 200 tempat kepada pelajar menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam kalangan pelajar kurang berkemampuan untuk mengikuti pengajian prasiswazah kali ini.

“CSR ini yang merupakan kali kelima dijayakan UMS berdasarkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah dan melepas syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan UPU,” jelasnya yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin.

Prof. Dr. Ismail memaklumkan, UMS juga turut menerima kemasukan 19 pelajar dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU).

“Kesemua mereka ditempatkan di tingkat bawah kolej kediaman untuk memudahkan pergerakan selain disediakan kenderaan khas untuk menghadiri kuliah,” katanya.

Kesemua pelajar baharu akan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) selama seminggu sebagai persiapan bagi menyesuaikan diri suasana kehidupan kampus.